

SV
SUARA SARAWAK
Bukan Sekadar Akhbar
+ 66434932019 (035042)

• Tel: 082-647375/ 649927
• Faks: 082-647374
• e-mel: news@suarasarawak.my
• Laman sesawang:
www.suarasarawak.my

• Lot 14098 (St. 121) Section 66, Ku
ching Town Land District 340, Metro-
city's Commercial Precinct, Jalan Matang,
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak.

SIDANG REDAKSI

Editor Eksekutif
ROHANA WAHED
rohanaw@suarasarawak.my

Timbalan Editor Eksekutif
AWANG ROSLI AWANG ADENI
rosliaw@suarasarawak.my

Timbalan Editor Eksekutif
AWANG SHAHFERI AWANG ADENI
ashahferi@suarasarawak.my

Editor Kanan Berita
RADIN AZHAR AHMAD
radinazhar@suarasarawak.my

Editor
DRAMAN BAHARON
draman@suarasarawak.my

Editor Ruai
ALVESTER BIGOL SULANG
alvesterbigol@suarasarawak.my

Subeditor Berita
CHRISTINA LIAN
christinalucian@suarasarawak.my

Subeditor Inspirasi
AFIEZUL SAMIT
afiezulsamit@suarasarawak.my

Subeditor Global
S. CONNIE PEARL SUIL
pearl@suarasarawak.my

Subeditor Ruai
LINA KUNJAK
linakunjak@suarasarawak.my

Ketua Pemberita
NICK FLETCHER
fletcher19@suarasarawak.my

Ketua Grafik
NGUMBANG RANGGA
ngumbang96@gmail.com

Diterbitkan oleh
SV News Sdn. Bhd., Lot 2885 Block 3,
Miri Concession Land District,
98000 Miri, Sarawak.

Dicetak oleh
UBP Printing Sdn Bhd, Lot 2042,
Section 66, Pending
Industrial Estate, KTLD, Jalan Tenaga,
93100 Kuching, Sarawak.

Rancang, selia, pandu dan pantau

DR AILA LATIF

ASPIRASI

PANDEMIK Covid-19 bukan sahaja memberi kesan kepada ekonomi yang mengakibatkan banyak sektor industri hari ini yang terpaksa gulung tikar, malah menggugat ekonomi, sekali gus menyebabkan sektor pekerjaan terjejas.

Walaupun pemulihan ekonomi kembali dirancarkan dengan suntikan-suntikan inisiatif berkaitan, terdapat beberapa faktor luaran yang perlu diperhatikan bagi mengawal tindak balas pengembangan dan penguncupan sosioekonomi berdasarkan keadaan semasa.

Benar, seluruh dunia sebenarnya sedang terjejas dengan situasi geopolitik dan ekonomi yang tidak menentu. Sudah pasti, Malaysia tidak terkecuali dalam menghadapi tempas perubahan global dan badai spekulasi permasalahan dunia yang melanda hari ini.

Dalam memperkatakan kesan dan akibat, kebimbangan berdasarkan spekulasi dan antisipasi pasaran hadapan yang tidak dapat dielakkan secara total kerana kesemuanya saling berkait dalam ekosistem masyarakat.

Secara logik, kebimbangan ini adalah berasas, mempengaruhi semua pembuat keputusan dalam industri sekali gus akan memberi kesan kepada rangkaian niaga dan juga kita sebagai pengguna.

Lebih-lebih lagi, kita semua maklum bahawa kita sebenarnya sedang berhadapan dengan krisis tiga penjur, iaitu pandemik Covid-19, perubahan iklim dan perang Rusia-Ukraine.

Rentetan daripada krisis tiga penjur ini membawa kita kepada pelbagai isu dan permasalahan lain sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Yang pasti, krisis lanjutan akan berlaku dan akan menjejaskan setiap penjur kerana perkaitan ini. Cuma, kesannya akan berbeza dari segi cepat atau perlahan, mahupun besar kecilnya impak terhadap individu ataupun isi rumah.

Sebagai contoh, kesan lain yang kini telah mula dirasakan, antaranya adalah krisis yang amat dekat dan penting pada permasalahan

masyarakat iaitu krisis makanan.

Perkaitan yang boleh dilihat sebagai impak agak jelas daripada situasi dunia hari ini. Kesan kepada para peladang secara spesifik begitu ketara, pengeluaran komoditi terjejas disebabkan peningkatan kos bahan mentah, peningkatan kos sara hidup, dan sebagainya.

Ditambah dengan masalah ketidaktentuan di pasaran antara-bangsa yang kita sedia maklum, impak pandemik terlebih dahulu sebenarnya telah mengekang kegiatan pertanian yang menyaksikan eksport makanan di negara pengeluar dikurangkan kerana mereka lebih mengutamakan keperluan dalam negara masing-masing.

Kesannya kini dirasakan, iaitu peningkatan kadar inflasi yang sedang dialami di kebanyakan negara kini menjadi fenomena global akibat gangguan rantaian bekalan makanan. Lantas, isu sekuriti makanan menjadi sangat signifikan lebih-lebih lagi pada fasa endemik, dalam menyokong kemandirian ekonomi dan kemajuan negara.

Kita perlu tahu bahawa pergantungan masyarakat kita terhadap import makanan begitu tinggi. Bayangkan saja, defisit sebanyak RM25 bilion direkodkan dalam sektor agromakanan pada tahun lepas. Nilai import makanan pada tahun 2021 dicatatkan bernilai RM64 bilion berbanding eksport RM39 bilion. Bayangkan import daging lembu

hampir 80 peratus, 60 peratus makanan laut, kobis 90 peratus, malah beras pun diimport sebanyak 30 peratus bagi memenuhi keperluan makanan dalam negara. Bagaimanakah keadaannya jika bekalan ini terhenti atau naik harga? Pastinya kita semua sebagai pengguna sangat terjejas.

Maka,imbangan perdagangan bagi mengurangkan jurang perlu diusahakan. Situasi ini membawa kepada tindak balas, sekatan dan perubahan kepada dasar serta polisi berkaitan.

Terbaharu, kerajaan memutuskan untuk memansuhkan Permit Import (AP) makanan. Perkembangan ini dilihat selaras dengan strategi menghapuskan manipulasi harga pasaran dan aspirasi mengukuh dan menguatkuasakan rantaian bekalan.

Pasaran import makanan terbuka dijangka akan meningkatkan kecukupan ekonomi Malaysia. Ia boleh menggalakkan persaingan import, mengurangkan monopoli pasaran, pengembangan perniagaan yang akan menghasilkan kos yang lebih rendah.

Bagaimanapun, pemantauan terhadap harga agrokomoditi tempatan berbanding harga import perlu dibuat bagi memastikan daya saing sektor perladangan dan pertanian agromakanan terjaga untuk kemandirian ekonomi dan sara diri makanan secara jangka panjang. Dari sudut pengurusan secara

spesifik, kita kembali menilai strategi dan tindakbalas dalam menghadapi krisis ini berdasarkan empat konsep asas dalam ilmu pengurusan iaitu rancang, selia, pandu dan pantau.

Di peringkat nasional, kita melihat langkah yang diambil oleh Kementerian, agensi dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung berdasarkan kepada pelan jangka panjang dan pendek bagi mengelakkan krisis makanan menjadi semakin meruncing.

Rasa bimbang semata-mata tidak cukup untuk kita menzahirkan tindakan pantas menghadapi keadaan yang berkemungkinan semakin meruncing.

Informasi yang diperolehi harus menjadi asas untuk kita merancang, menilai dan mengawal perbelanjaan untuk kelangsungan jangka panjang. Di peringkat individu atau isi rumah pula, kita perlu melihat semula dan merombak pola perbelanjaan seiring dengan persediaan kita menghadapi situasi dan sumber kewangan yang kita ada.

Dengan kata mudah, fasa endemik ini adalah masa yang tepat untuk kita semua bersatu hati dan perlu berubah dan berjimat untuk menanganai keadaan seperti ini.

• **Dr Aila Latif ialah Pensyarah Kanan Bidang Pengurusan di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Unimas**

PETANI menuai gandum di sebuah ladang di pinggir bandar Amritsar, India. Tindakan kerajaan India yang melarang eksport gandum akibat fenomena gelombang haba menerima kritikan daripada menteri pertanian negara Kumpulan Tujuh (G7) kerana ia akan memburukkan lagi krisis makanan semasa yang dihadapi seluruh dunia. - Foto AFP

